

Sekilas Info

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI & RISIKO




BENGGEL PRA-KAJIAN SEMULA PENGURUSAN KUALITI (QMS)

Bengkel Pra-Kajian Semula Skop Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) telah diadakan pada 12 Mac 2026 bagi membincangkan keperluan semakan dan penambahbaikan skop Sistem Pengurusan Kualiti universiti selaras dengan keperluan standard ISO 9001:2015 dan hala tuju semasa universiti. Bengkel ini menjadi platform kepada semua pihak berkaitan untuk meneliti kesesuaian skop pensijilan sedia ada, mengenal pasti cadangan pindaan atau peluasan skop, serta menyelaras input daripada PTJ berkaitan. Selain itu, perbincangan turut melibatkan aspek dokumentasi, proses pelaksanaan, isu dan cabaran berkaitan skop QMS bagi memastikan sistem pengurusan kualiti kekal relevan, efektif dan menyokong penambahbaikan berterusan dalam penyampaian perkhidmatan universiti.

MESYUARAT KHAS JK EKSEKUTIF MARISK BIL. 1/2026

Pada 5 Mac 2026, SQRC telah terlibat secara dalam talian dalam Mesyuarat Khas JK Eksekutif MARISK Bil. 1/2026 yang menjadi platform kerjasama dan penyelarasan berkaitan pengurusan risiko melibatkan universiti awam di Malaysia. Penglibatan ini bertujuan membincangkan isu-isu strategik serta perkembangan semasa berkaitan pengurusan risiko organisasi, di samping memperkukuh jaringan kerjasama antara universiti awam dalam usaha memperkasakan tadbir urus dan budaya pengurusan risiko yang lebih sistematik, proaktif dan berkesan. Selain itu, mesyuarat turut memberi peluang kepada ahli MARISK untuk menyelaras pendekatan pengurusan risiko, berkongsi pengalaman serta membincangkan cadangan penambahbaikan selaras dengan keperluan dan cabaran semasa sektor pendidikan tinggi negara.



SQRC

Strategy Quality Risk Centre

PROGRAM SQRC MAC 2026

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Mesyuarat Khas JK Eksekutif MARISK Bil. 1/2026	5 Mac 2026
2.	Bengkel Semula Pengurusan Kualiti (QMS)	12 Mac 2026

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs. Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah,** Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir. Dr Marini Sawawi | **Ketua Penolong Pendaftar,** Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman | **Penolong Pendaftar Kanan,** Puan Dayang Mazina Awang Batu | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan,** Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Tadbir,** Puan Nur Shereen Ezaty Mohamed Fauzi | **Setiausaha Pejabat,** Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan,** Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir,** Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi,** Encik Rozaimi Anis

SOROTAN AKTIVITI



Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
Universiti Malaysia Sarawak
 Aras 3, Canselor
 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>